



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (19) dlm.PAR.3/398 Jld.4

6 Ogos 2021

Ketua Setiausaha Negara,

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Peguam Negara,

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian.

YBhg. Tan Sri/Datuk/Tuan/Puan,

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEEMPAT
BELAS**

Dengan hormatnya dimaklumkan menurut Peraturan Mesyuarat 9(2)(a) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat iaitu Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas akan diadakan pada tarikh-tarikh yang berikut:-

1. **TARIKH-TARIKH MESYUARAT**

DEWAN RAKYAT

1. *Isnin	6 September 2021	9. Selasa	21 September 2021
2. Selasa	7 September 2021	10. Rabu	22 September 2021
3. Rabu	8 September 2021	11. Khamis	23 September 2021
4. Khamis	9 September 2021	12. Isnin	27 September 2021
5. Isnin	13 September 2021	13. Selasa	28 September 2021
6. Selasa	14 September 2021	14. Rabu	29 September 2021
7. Rabu	15 September 2021	15. Khamis	30 September 2021
8. Isnin	20 September 2021		

Jumlah Hari Mesyuarat = 15 hari

* Istiadat Pembukaan Penggal Keempat, Majlis Parlimen Yang Keempat Belas

2. TARIKH-TARIKH TUTUP MENERIMA PEMBERITAHUAN

2.1 Pertanyaan-pertanyaan (Jawab Lisan/Bertulis)

Peraturan Mesyuarat 22(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, menetapkan bahawa Pemberitahu bertulis berkenaan dengan tiap-tiap pertanyaan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha dalam waktu pejabat biasa oleh seseorang Ahli **tidak lewat daripada 10 hari bekerja** kecuali diperuntukkan selainnya dalam perenggan (5) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Tarikh tutup adalah pada hari Khamis, 19 Ogos 2021 jam 5.00 petang.

2.2 Pertanyaan-pertanyaan (Jawab Lisan) di bawah Peraturan Mesyuarat 22(5)

Pertanyaan-pertanyaan (Jawab Lisan) di bawah Peraturan Mesyuarat 22(5) iaitu bagi maksud pertanyaan bagi Jawapan Lisan dalam perenggan (4), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, **3 pertanyaan** bolehlah diserahkan kepada Setiausaha semasa persidangan Majlis dan pemberitahu bertulis berkenaan dengan pertanyaan itu hendaklah diserahkan kepada Setiausaha dalam waktu pejabat biasa oleh seseorang ahli **tidak lewat daripada 7 hari bekerja** sebelum hari yang hendak dibawa pertanyaan-pertanyaan yang telah dikeluarkan pemberitahu itu.

- i) Pertanyaan Minggu Pertama (6 hingga 9 September 2021)
- Tarikh tutup adalah pada Rabu, 25 Ogos 2021, jam 5.00 petang;
- ii) Pertanyaan Minggu Kedua (13 hingga 15 September 2021)
- Tarikh tutup adalah pada Rabu, 1 September 2021, jam 5.00 petang;
- iii) Pertanyaan Minggu Ketiga (22 hingga 23 September 2021)
- Tarikh tutup adalah pada Rabu, 8 September 2021, jam 5.00 petang; dan
- iv) Pertanyaan Minggu Keempat (27 hingga 30 September 2021)
- Tarikh tutup adalah pada Rabu, 15 September 2021, jam 5.00 petang.

2.3 Pertanyaan bagi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (Peraturan Mesyuarat 24(5A) dan 24A)

Peraturan Mesyuarat 24(5A) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat menetapkan bahawa walau apa pun perenggan (5), apa-apa pertanyaan yang berhubung dengan Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri hendaklah mengambil masa **tiga puluh minit** pada setiap hari **Selasa dan Khamis** sebelum permulaan Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Lisan.

Peraturan Mesyuarat 24A(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat menetapkan sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan dengan tidak dikeluarkan pemberitahu bertulis **satu hari terlebih dahulu kepada Setiausaha** dalam waktu pejabat biasa oleh seseorang Ahli sebelum Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri dimulakan.

Peraturan Mesyuarat 24A(5) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat menetapkan tempoh masa untuk **setiap pertanyaan dan jawapan oleh Menteri** yang berhubung dengan perkara yang dibangkitkan tersebut dihadkan kepada **sepuluh minit**.

i) **Pertanyaan-Pertanyaan Menteri Minggu Pertama (6 hingga 9 September 2021)**

Selasa, 7 September 2021

- Tarikh tutup adalah pada Isnin, 6 September 2021, jam 10.00 pagi; dan

Khamis, 9 September 2021

- Tarikh tutup adalah pada Rabu, 8 September 2021, jam 10.00 pagi

ii) **Pertanyaan-Pertanyaan Menteri Minggu Kedua (13 hingga 15 September 2021)**

Selasa, 14 September 2021

- Tarikh tutup adalah pada Isnin, 13 September 2021, jam 10.00 pagi

iii) **Pertanyaan-Pertanyaan Menteri Minggu Ketiga (20 hingga 23 September 2021)**

Selasa, 21 September 2021

- Tarikh tutup adalah pada Isnin, 20 September 2021, jam 10.00 pagi; dan

Khamis, 23 September 2021

- Tarikh tutup adalah pada Rabu, 22 September 2021, jam 10.00 pagi

iv) **Pertanyaan-Pertanyaan Menteri Minggu Keempat (27 hingga 30 September 2021)**

Selasa, 28 September 2021

- Tarikh tutup adalah pada **Isnin, 27 September 2021, jam 10.00 pagi**; dan

Khamis, 30 September 2021

- Tarikh tutup adalah pada **Rabu, 29 September 2021, jam 10.00 pagi**

2.4 **Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**

Siapa-siapa Ahli selain Menteri yang telah mendapat kebenaran hendak memberi ucapan bolehlah mengeluarkan ucapan kepada Kamar Khas berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir yang dalam tanggungan Kerajaan dan menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan perkara yang dikeluarkan itu bolehlah menjawabnya.

Tertakluk kepada peruntukan di atas, seseorang Ahli Dewan Rakyat yang menghantar pemberitahuan ucapan berkenaan perkara tadbir Kerajaan, hendaklah juga mengirimitkan teks ucapan itu supaya Menteri yang akan menjawabnya dapat menyediakan jawapannya. Seseorang ahli yang menghantar lebih daripada satu ucapan untuk satu mesyuarat Dewan Rakyat hendaklah juga menentukan berapa hari bulan mesyuarat beliau bercadang hendak membuat tiap-tiap ucapan itu.

2.5 **Usul Perkara Tertentu Berkenaan Kepentingan Orang Ramai Yang Berkehendak Disegerakan (Peraturan Mesyuarat 18)**

Usul akan dibahaskan di Kamar Khas.

3. **WAKTU PERSIDANGAN**

- 3.1 Waktu persidangan ialah dari pukul **10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.30 petang hingga 5.30 petang**. [Peraturan Mesyuarat 12(1)]
- 3.2 Waktu persidangan bagi **Kamar Khas** ialah dari pukul **2.30 petang hingga 4.30 petang**. [Peraturan Mesyuarat 16(6)]

4. TEMPAT MESYUARAT

- 4.1 Mesyuarat-mesyuarat Dewan Rakyat akan diadakan di Dewan Mesyuarat Dewan Rakyat, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.
- 4.2 Persidangan bagi Kamar Khas akan diadakan di Kamar Khas, Bangunan Parlimen, Parlimen Malaysia.

5. TARIKH TUTUP MENERIMA PEMBERITAHUAN-PEMBERITAHUAN

- 5.1 **Rang Undang-undang Kerajaan**
Pemberitahuan daripada Kementerian hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya satu hari terlebih dahulu.
(Peraturan Mesyuarat 48)
- 5.2 **Usul-usul**
Pemberitahuan usul atas nama Menteri hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya tujuh hari terlebih dahulu tetapi bagi faedah orang ramai memadailah dikeluarkan pemberitahuan itu satu hari sahaja terlebih dahulu.
(Peraturan Mesyuarat 27)

6. RISALAT-RISALAT BERKAITAN DENGAN USUL-USUL ATAU RANG UNDANG-UNDANG

Kementerian bertanggungjawab memastikan bekalan kertas-kertas perintah, statut, usul-usul atau rang undang-undang mencukupi dan dihantar ke Jabatan ini untuk diedarkan kepada Ahli-ahli sebelum usul-usul atau rang undang-undang berkenaan dipertimbangkan. Sila berurusan dengan Percetakan Nasional Malaysia Bhd. atau mana-mana syarikat percetakan lain yang bertanggungjawab mencetak kertas-kertas seumpama itu, untuk memastikan kertas-kertas berkenaan dihantar segera ke Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia.

Kementerian atau Badan Berkanun yang berkenaan hendaklah memastikan keratan nombor bersiri dilekatkan kepada kertas-kertas yang hendak dibentangkan di atas Meja Mesyuarat Dewan Rakyat/Dewan Negara. Nombor-nombor siri yang tercetak pada keratan-keratan ini boleh diminta daripada Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia. Risalat hendaklah dalam bentuk cetak, elektronik atau apa-apa rupa cara yang diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua mengikut Peraturan Mesyuarat 20(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Jika edaran risalat dalam bentuk elektronik maka ia perlu menggunakan *thumb drive* atau *card drive*.

KERTAS-KERTAS PERINTAH atau STATUT hendaklah dipastikan ia telah diputuskan dan ia dipersetujui oleh YB Menteri dengan muktamadnya untuk dibentang di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Semua laporan yang hendak dibentang itu mestilah sampai ke Parlimen Malaysia selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh terakhir persidangan Dewan Rakyat.

7. **PEMBERITAHUAN RANG UNDANG-UNDANG**

Semua pemberitahuan RANG UNDANG-UNDANG hendaklah dengan menggunakan Borang yang disertakan bersama-sama ini. Bagi setiap RANG UNDANG-UNDANG, Kementerian dikehendaki mengisi **dua** salinan borang, iaitu untuk Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara serta salinannya kepada Ketua Setiausaha Negara dan Jabatan Peguam Negara seperti yang tertera di muka surat 10 dan 11.

8. **JAWAPAN-JAWAPAN KEPADA PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Parlimen Malaysia bertanggungjawab menyunting semua PERTANYAAN-PERTANYAAN yang diterima daripada Ahli-ahli serta menerbitkannya di dalam buku Aturan Urusan Mesyuarat dan mengedarkannya kepada semua Kementerian untuk disediakan jawapan-jawapan. Semasa menjawab pertanyaan-pertanyaan, harap ambil ingatan perkara-perkara yang berikut:-

- 8.1 **Dua (2) salinan jawapan hendaklah dihantar bagi kedua-dua pertanyaan-pertanyaan jawab bertulis dan lisan. Jawapan-jawapan pertanyaan jawab lisan hendaklah dihantar dengan tangan atau melalui emel/faks ke Seksyen Perundangan dan Prosiding, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia tidak lewat dari jam 10.00 pagi pada tarikh pertanyaan itu ditetapkan untuk dijawab. Parlimen Malaysia akan mengedarkan jawapan itu kepada Ahli-ahli yang berkenaan selepas sahaja tamat sesi soal-jawab pertanyaan-pertanyaan jawab lisan.**
- 8.2. Jika didapati perkara yang dibangkitkan dalam pertanyaan-pertanyaan adalah di bawah tanggungjawab Kementerian lain, sila sampaikan pertanyaan-pertanyaan berkenaan dengan segera kepada Kementerian yang bertanggungjawab dan apabila berbuat demikian sila pastikan bahawa:
- (a) Kementerian berkenaan telah dimaklumkan dan bersetuju menerima pertanyaan itu;
 - (b) pertanyaan itu disampaikan dengan tangan atau melalui faks/emel dan tidak melalui pos;

- (c) **Pegawai-pegawai Kementerian hendaklah memberitahu salah seorang daripada pegawai Parlimen yang nama mereka tertera di perenggan (10) melalui telefon, atau faks/emel disusuli dengan surat rasmi.**

Setiap pertanyaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat ditujukan kepada Menteri yang tertentu dan sama ada sesuatu pertanyaan yang telah tersalah ditujukan boleh dipindahkan atau tidak akan bergantung kepada kesegeraan dan tepatnya penerangan yang diterima dari Kementerian mengenai **PERTANYAAN** sedemikian tidak kurang dari 3 hari bekerja dari tarikh pertanyaan berkenaan dijadualkan.

- 8.3. Jika perkara dibangkitkan dalam pertanyaan itu berkaitan dengan sesuatu perkara di bawah Kementerian YBhg. Tan Sri/Datuk/Tuan/Puan **bersama beberapa Kementerian lain**, maka terpulanglah kepada pertimbangan YBhg. Tan Sri/Datuk/Tuan/Puan merundingkan hal itu untuk menentukan pihak yang akan menjawab pertanyaan berkenaan. Dalam hubungan ini, sila ambil tindakan seperti perenggan 8.2.(a), (b) dan (c) di atas.
- 8.4. Jika Kementerian YBhg. Tan Sri/Datuk/Tuan/Puan mendapati sesuatu pertanyaan itu di bawah kategori Peraturan Mesyuarat 23(1) dan (2) maka, Pegawai YBhg. Tan Sri/Datuk/Tuan/Puan yang bertanggungjawab hendaklah membangkitkan perkara ini semasa Mesyuarat Pra Persidangan.
- 8.5. Peraturan Mesyuarat 24 (1A) mensyaratkan mana-mana pertanyaan yang sudah dijawab bersama pertanyaan lain yang serupa (dengan izin Tuan Yang di-Pertua), ianya tidak boleh dimasukkan ke dalam mana-mana Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari persidangan yang lain. Sila maklumkan pegawai-pegawai Parlimen di perenggan (10) dengan serta-merta iaitu sebelum pertanyaan tersebut dijawab dalam Dewan sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Tuan/Puan bercadang menjawab beberapa pertanyaan yang serupa secara serentak untuk membolehkan syarat ini dipatuhi.

9. **ATURAN URUSAN MESYUARAT**

Kementerian-kementerian boleh mendapatkan salinan Aturan Urusan Mesyuarat bercetak dari Parlimen Malaysia. Pohon semak semua pertanyaan yang tersiar di dalam Aturan Urusan Mesyuarat Harian, bagi memastikan semua pertanyaan akan diberi jawapan yang sewajarnya.

10. PEGAWAI-PEGAWAI PARLIMEN

Bagi melicinkan urusan persidangan, segala surat-menyurat hendaklah diemelkan kepada ***sudr@parlimen.gov.my*** mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Aturan Urusan Mesyuarat, Rang Undang-undang, Usul-usul dan Pertanyaan-pertanyaan.

Pegawai-pegawai Parlimen yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:-

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan No Panggilan Terus : 26017489
amisyahrizan@parlimen.gov.my

Encik Shahrzad bin Yusof No. Panggilan Terus : 26017199
shahrzad@parlimen.gov.my

Puan Durgashni Casimir No. Panggilan Terus : 26017183
durgashni@parlimen.gov.my

Encik Muhammad Amir Lutfi bin Makhtar No. Panggilan Terus : 26017181
amir.lutfi@parlimen.gov.my

Encik Azmi bin Othman No. Panggilan Terus : 26017141
azmi@parlimen.gov.my

Cik Hindun binti Wahari No. Panggilan Terus : 26017142
hindun@parlimen.gov.my

11. PEGAWAI PERHUBUNGAN PARLIMEN DI KEMENTERIAN-KEMENTERIAN

Untuk kemudahan urusan surat-menyurat dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan persidangan Parlimen, Kementerian-kementerian diminta memaklumkan nama Pegawai-pegawai Perhubungan Parlimen mereka dan nombor telefon kepada Parlimen Malaysia dengan segera.

12. Satu Mesyuarat Pra Persidangan secara maya akan diadakan pada hari **Isnin, 23 Ogos 2021, jam 9.00 pagi** sebagai persiapan menyelaraskan tindakan ke atas Pertanyaan/Usul/Rang Undang-undang. Pautan (*link*) mesyuarat akan diberikan sebelum Mesyuarat Pra Persidangan diadakan. **Pegawai-pegawai Perhubungan Parlimen Kementerian adalah dijemput hadir pada mesyuarat ini.**

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DR. NIZAM MYDIN BIN BACHA MYDIN
Setiausaha Dewan Rakyat

BORANG PEMBERITAHUAN RANG UNDANG-UNDANG

Tarikh:

Setiausaha Dewan Rakyat,
Setiausaha Dewan Negara,
Bangunan Parlimen,
50680 Kuala Lumpur.

(1) TAJUK RINGKAS:
Bahasa Kebangsaan:

(Bahasa Inggeris):

(2) TAJUK PANJANG
Bahasa Kebangsaan:

(Bahasa Inggeris):

(3) NASKHAH YANG SAHIH: + Bahasa Malaysia/
+ Bahasa Inggeris

(4) NASKHAH-NASKHAH YANG BOLEH + Bahasa Malaysia/
DIDAPATI: + Bahasa Inggeris/
+ Kedua-dua Bahasa

(5) AKAN DIBENTANGKAN
(BACAAN PERTAMA):

(i) Pada:

(ii) Oleh:

(6) + AKAN DIBACAKAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA/AKAN DIBACAKAN KALI YANG KEDUA DAN DISERAHKAN KEPADA JAWATANKUASA PILIHAN:

(i) Pada: Mesyuarat yang sama+/kemudian

(ii) Oleh:

(7) TARIKH DIPEROLEHI PERSETUJUAN JEMAAH MENTERI:

Tandatangan(.....)

Menteri

+ Potong mana-mana yang tidak dikehendaki.

s.k.

1. Ketua Setiausaha Negara,
Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 4, Blok Timur,
Bangunan Perdana Putra,
62502 Putrajaya.
2. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara,
Bahagian Gubalan,
No. 45, Persiaran Perdana,
Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya.